Lampiran A

SYARAT-SYARAT TAWARAN BIASISWA
MyBRAINSc (Dalam Negara)

1. ELAUN-ELAUN DAN LAIN-LAIN BANTUAN

Semasa mengikuti kursus, pelajar adalah layak menerima elaun-elaun dan bantuan-bantuan seperti yang tersebut di **Lampiran A1** berkembar tertakluk kepada syarat-syarat berikut ;-

1.1 Yuran Pengajian

Yuran-yuran pengajian dan bayaran-bayaran peperiksaan lain yang dikenakan oleh Universiti akan dibayar oleh Kerajaan.

1.2 Elaun Sara Hidup

Pelajar akan dibayar Elaun Sara Hidup setiap bulan semasa menuntut. Walaubagaimanapun, sekiranya kemudahan makan dan tempat kediaman disediakan oleh pihak universiti dan Kerajaan dikehendaki membuat pembayaran bagi kemudahan-kemudahan tersebut, maka pelajar berkenaan tidak lagi akan dibayar Elaun Sara Hidup. Oleh itu pelajar bertanggungjawab memberitahu Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Tinggi, KPT jika sekiranya kemudahan tersebut disediakan.

1.3 Elaun Buku

Pelajar akan dibayar oleh Kerajaan, Elaun buku secara '*outright grant'* **sekali setahun**.

1.4 Elaun Alat Perkakas

Pelajar akan dibayar oleh Kerajaan, Elaun Alat Perkakas secara *'outright grant'* **sekali setahun.**

1.5 Elaun Bantuan Penyediaan Tesis

Pelajar akan dibayar oleh Kerajaan, Elaun Bantuan Penyediaan Tesis atau disertasi sekali sahaja di sepanjang kursus. Pembayaran hanya setelah pelajar mengemukakan satu salinan tesis atau disertasi beserta Borang Pengesahan Elaun Tuntutan Tesis kepada Bahagian Biasiswa dan, KPT.

1.6 Elaun Latihan Amali

Pelajar yang diwajibkan oleh pihak Universiti/ Institusi supaya menjalani latihan amali, boleh dibayar elaun tersebut jika latihan amali itu dijalankan di luar lingkungan **25km** dari pusat pengajian. Pembayaran hanya setelah

pelajar mengemukakan satu salinan lengkap tuntutan beserta Borang Tuntutan Elaun Latihan Praktikal kepada Bahagian Biasiswa, KPT.

1.7 Tambang Perjalanan

1.7.1 Bagi penuntut Semenanjung yang berkursus di Sabah atau Sarawak dan penuntut dari Sabah atau Sarawak yang berkursus yang berkursus di Semenanjung, Kerajaan akan menanggung tambang kelas ekonomi mengikut jalan yang terdekat dari lapangan terbang yang terdekat sekali dengan rumah penuntut ke lapangan terbang yang terdekat sekali dengan universiti/institusi pengajian;

1.7.2 Tambang perjalanan ini diberikan sekali (pergi dan balik) pada setiap tahun pengajian mengikut perjalanan yang termurah atau yang diperuntukkan oleh Kerajaan. Pembayaran hanya setelah pelajar mengemukakan satu salinan lengkap tuntutan beserta borang Tuntutan Elaun Perjalanan Udara kepada Bahagian Biasiswa, KPT; dan

1.7.3 Tambang perjalanan dari rumah ke lapangan terbang yang terdekat sekali dan dari lapangan terbang ke universiti/institusi pengajian hendaklah ditanggung sendiri oleh penuntut.

1.8 Elaun Terlebih Bayar

Sekiranya pelajar menerima elaun-elaun atau bayaran yang melebihi daripada jumlah sepatutnya, Kerajaan berhak pada bila-bila masa menuntut kembali elaun-elaun terlebih bayar tersebut.

2. URUSAN PEMBAYARAN

Segala urusan pembayaran elaun dan yuran pengajian seperti di **para 1** di atas akan diuruskan oleh Bahagian Biasiswa, KPT. Semua pembayaran elaun dan kemudahan ini adalah untuk pelajar seorang sahaja. **Kementerian ini tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan yang berkaitan dengan keluarga pelajar**.

3. PERJANJIAN

3.1 Pelajar akan dikehendaki menandatangani **Borang Perjanjian KPT(BS)MyBrainSc20/1** sebelum mengikuti kursus dan akan terikat untuk berkhidmat di Malaysia selama tempoh yang ditetapkan di dalam perjanjian setelah tamat pengajian kelak. Sekiranya pelajar tidak menyempurnakan dan menandatangani perjanjian ini dalam tempoh yang ditetapkan, maka biasiswa ini akan ditarik balik; dan

3.2 Cara mengisi Surat Perjanjian tersebut adalah seperti di dalam panduan yang dikemukakan bersama-sama lampiran ini.

4. TUGAS

Pelajar adalah dikehendaki :

4.1 Menumpukan sepenuh perhatian kepada kursus yang diikuti dengan menghadiri kuliah, tutorial, latihan amali dan sebagainya seperti yang ditetapkan;

4.2 Menduduki semua peperiksaan yang dijadualkan semasa berkursus. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar **menghantar sesalinan keputusan bagi setiap peperiksaan dalam tempoh sebulan selepas keputusan peperiksaan diumumkan ke Bahagian Biasiswa, KPT.** Biasiswa ini akan ditamatkan sekiranya pelajar gagal dalam mana-mana peperiksaan atau kursus;

4.3 Memberitahu Bahagian Biasiswa, KPT alamat surat menyurat semasa mengikuti kursus:

4.4 **Melapor diri kepada Bahagian Biasiswa, KPT setelah tamat pengajian sama ada jaya atau tidak. Borang Pengesahan Tamat Pengajian (LAMPIRAN E) dan Borang Lapor Diri Ke Bahagian Biasiswa Dalam / Luar Negara (LAMPIRAN I) perlu diisi oleh pelajar dan hendaklah dibawa ke Bahagian Biasiswa, KPT beserta transkrip penuh / dokumen tamat pengajian ketika hadir untuk lapor diri;**

4.5 Mencatatkan nombor fail rujukan seperti di kepala surat ini apabila berhubung dengan Kementerian ini, dan

4.6 Menyimpan **surat asal tawaran Biasiswa** dan Borang Perjanjian dengan baik.

5. TANGGUNGJAWAB

5.1 Mengekalkan Prestasi Akademik

Pelajar dikehendaki berusaha untuk mengekalkan prestasi akademik pada tahap yang memuaskan dan perlu mengemukakan salinan peperiksaan setiap semester kepada Bahagian Biasiswa, KPT. **Kegagalan untuk mengekalkan prestasi akademik pada tahap yang memuaskan** boleh menyebabkan biasiswa ditahan atau ditarik balik dengan bayaran gantirugi.

5.2 Penahanan dan Penarikan Balik Bayaran Biasiswa

5.2.1 Bayaran biasiswa akan ditahan jika pemegang biasiswa **gagal mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 untuk dua (2) semester berturut-turut** dan hanya disambung kembali selepas mendapat PNGK 3.00 dan ke atas. Walau bagaimanapun, bayaran biasiswa yang ditahan **tidak akan dikebelakangkan**. Penahanan akan menyebabkan **pengurangan dalam jumlah biasiswa** yang sepatutnya diterima; dan

5.2.2 **Penarikan balik** biasiswa dengan bayaran gantirugi akan dibuat terhadap pemegang biasiswa yang mendapat PNGK 2.50 atau bersamaan dan ke bawah dua (2) semester berturut-turut.

5.3 Kelakuan

5.3.1 Semasa mengikuti kursus, pelajar dikehendaki berkelakuan sebagai seorang penuntut yang bertanggungjawab dan dikehendaki mematuhi undang-undang Negara dan arahan-arahan/ peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Bahagian Biasiswa, KPT dan/atau universiti/institusi berkenaan dari semasa ke semasa;

5.3.2 Sekiranya pelajar didapati atau dilaporkan terlibat dalam mana-mana kes jenayah dan apa-apa salahlaku yang akan mencemarkan nama baik Kerajaan dan Negara, maka tindakan tatatertib akan diambil dan biasiswa ini akan ditamatkan. Sekiranya ini berlaku, pelajar dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian;

5.3.3 Pelajar dilarang dari mengambil bahagian atau menjalankan sebarang pekerjaan luar tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Bahagian Biasiswa, KPT terlebih dahulu. Sekiranya dilakukan biasiswa ini akan ditamatkan dan pelajar dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian; dan

5.3.4 Jika Bahagian Biasiswa, KPT menerima laporan daripada pihak universiti/institusi bahawa kelakuan atau pengajian tuan tidak memuaskan, maka biasiswa ini akan ditamatkan dan tuan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian.

5.4 Kegiatan Politik

5.4.1 Pelajar tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh Kerajaan tidak selaras dengan kepentingan pelajar atau kepentingan Kerajaan dan apabila pelajar diberitahu oleh Kerajaan bahawa apa-apa kegiatan yang pelajar mengambil bahagian adalah tidak selaras dengan kepentingan pelajar atau kepentingan Kerajaan, maka pelajar hendaklah berhenti dengan serta-merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;

5.4.2 Pelajar tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Kerajaan dan Kerajaan mengikut budibicara mutlaknya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu;

5.4.3 Pelajar tidak boleh menjadi ahli atau mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang

yang tujuan atau kegiatan-kegiatan itu adalah pada pendapat Kerajaan boleh ditafsirkan bercorak politik tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Kerajaan dan Kerajaan mengikut budibicara mutlaknya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu; dan

5.4.4 Sekiranya melanggar syarat-syarat tersebut di para (i)-(iii) di atas, maka tindakan tatatertib akan diambil dan biasiswa ini akan ditamatkan dan pelajar dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian.

5.5 Kahwin

5.5.1 Semasa tempoh berkursus pelajar tidak digalakkan bernikah-kahwin. Walau bagaimanapun pelajar boleh bernikah-kahwin dengan syarat:

5.5.1.1 Mendapat persetujuan dan kebenaran daripada ibu bapa, penjamin-penjamin dan Bahagian Biasiswa, KPT;

5.5.1.2 Kerajaan tidak akan bertanggungjawab menanggung apa-apa perbelanjaan yang timbul di atas perkara ini; dan

5.5.1.3 Kerajaan akan menamatkan biasiswa ini dan menuntut gantirugi jika prestasi akademik pelajar tidak memuaskan sama ada secara langsung atau pun tidak langsung diakibatkan oleh perkahwinan ini.

5.6 Kegagalan

Pelajar yang gagal dalam mana-mana peperiksaan tanpa sebab yang munasabah, biasiswa ini akan ditamatkan dan tuan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian.

5.7 Pertukaran Kursus

Pelajar adalah dimestikan mengikuti kursus yang ditetapkan di universiti/institusi yang telah ditentukan oleh Kementerian ini. Pertukaran kursus atau penarikan diri daripada kursus yang diikuti adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan dari Bahagian Biasiswa, KPT dan jika dilakukan boleh menyebabkan biasiswa ini ditamatkan dan pelajar dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian.

5.8 Penangguhan Perjanjian

Pelajar **tidak dibenarkan membuat sebarang penangguhan pengajian** tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Bahagian Biasiswa, KPT dan jika dilakukan boleh menyebabkan biasiswa ini ditamatkan dan tuan dikehendaki membayar gantirugi sebagaimana yang ditetapkan di dalam Perjanjian.

6. HAK KERAJAAN

Walau apapun perbekalan di dalam syarat-syarat tawaran biasiswa ini, Kerajaan berhak meminda peraturan-peraturan dan syarat-syarat di atas dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan pelajar adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan tersebut. Kerajaan juga berhak menarik balik tawaran ini tanpa memberi sebarang sebab.

Bahagian Biasiswa
Kementerian Pendidikan Tinggi

Lampiran A1

KADAR-KADAR YURAN/ELAUN MyBRAINSc
BAGI KURSUS IJAZAH SARJANA MUDA

DALAM NEGARA

BIL	YURAN/ELAUN	KADAR
1.	**YURAN PENGAJIAN**	Yuran-yuran dibayar oleh Kerajaan terus kepada pihak universiti
2.	**ELAUN SARA HIDUP**	RM900.00 sebulan
3.	**ELAUN BUKU**	RM600.00 setahun
	ELAUN ALAT PERKAKAS	RM500.00 setahun
4.	**ELAUN BANTUAN KOMPUTER**	Maksimum RM3,000.00 sepanjang pengajian (sekali tuntutan)
5.	**ELAUN KERTAS PROJEK**	RM150.00 setahun
	ELAUN LATIHAN AMALI (maksimum 90 hari)	RM15.00 sehari
6.	**ELAUN TESIS**	RM300.00 sekali sepanjang kursus (jika layak)

KADAR-KADAR YURAN/ELAUN MyBRAINSc
BAGI KURSUS IJAZAH LANJUTAN

DALAM NEGARA

BIL	YURAN/ELAUN	KADAR	
		SARJANA	**PhD**
1.	**YURAN PENGAJIAN**	Yuran-yuran dibayar oleh Kerajaan terus kepada pihak universiti	
2.	**ELAUN SARA HIDUP**	RM1,700.00 sebulan	RM2,400.00 sebulan
3.	**ELAUN BUKU**	RM750.00 (sekali setahun)	RM825.00 (sekali setahun)
4.	**ELAUN ALAT PERKAKAS**	RM900.00 (sekali setahun)	RM900.00 (sekali setahun)
5.	**ELAUN BANTUAN KOMPUTER** (sekali sepanjang pengajian)	Maksimum RM3,000.00 sepanjang pengajian (sekali tuntutan)	Maksimum RM3,000.00 sepanjang pengajian (sekali tuntutan)
6.	**ELAUN JURNAL** (tertakluk kepada kadar maksima)	RM1,500.00 (sepanjang pengajian)	RM1,500 (sepanjang pengajian)
7.	**ELAUN LATIHAN AMALI** (maksimum 90 hari)	RM15.00 (sehari)	RM15.00 (sehari)
8.	**ELAUN TESIS** (sekali sepanjang pengajian)	RM3,000.00 (sekali setahun)	RM6,000.00 (sekali setahun)
9.	**BENTANG KERTAS KERJA DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA**	Sekali sepanjang pengajian (mengikut kelayakan pegawai Gred 41)	
10.	**PENYELIDIKAN LUAR NEGARA**	Sekali sepanjang pengajian (tertakluk tempoh maksima 3 bulan mengikut kadar luar negara)	
11.	**ELAUN PENEMPATAN** (Sekali sepanjang pengajian) **Kadar A** (i) Pegawai Bujang • Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seberang Prai, Johor Bahru, Shah Alam, Subang, Sepang, Klang, Kajang, Petaling Jaya, Ampang, Sabah dan Sarawak. **Kadar B** (i) Pegawai Bujang • Selain tempat di atas.	RM1,350.00 RM1,200.00	

12.	**ELAUN AKHIR PENGAJIAN** (Sekali sepanjang pengajian) **Kadar A** (i) Pegawai Bujang • Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Seberang Prai, Johor Bahru, Shah Alam, Subang, Sepang, Klang, Kajang, Petaling Jaya, Ampang, Sabah dan Sarawak.	RM540.00
	Kadar B (i) Pegawai Bujang • Selain tempat di atas.	RM480.00